

PENERAPAN ELEMEN MODAL INSAN TERHADAP REMAJA BERISIKO DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK DI MALAYSIA

**Noor Hafizah bt Mohd Haridi, Rosfazila Bt Abdul Rahman, Norsaleha bt Salleh,
Khairul Hamimah Binti Mohammad Jodi
Zainora bt Daud**

noorhafizah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Modal insan atau *human capital* merujuk kepada modal atau apa yang dapat dikeluarkan dari seseorang insan untuk dimanfaatkan. Modal insan hanya akan menjadi asset penting bagi sesebuah organisasi dan negara sekiranya tahap kecekapan, kemahiran dan pengetahuan modal insan dibangunkan selaras dengan keperluan organisasi dan negara. Di Malaysia terdapat institusi yang melaksanakan program pemulihan khususnya terhadap remaja bermasalah. Kajian ini bertujuan mengenalpasti elemen modal insan yang diterapkan dalam program pemulihan yang dilaksanakan di Institusi Pemulihan Akhlak di Malaysia. Elemen ini penting bagi membentuk sahsiah diri seterusnya melahirkan personaliti yang baik dan mampu menghalang diri daripada terjebak dalam melakukan amalan-amalan yang bercanggah dengan syariat Islam. Metodologi yang digunakan dalam kajian berbentuk kualitatif. Hasil kajian menunjukkan elemen modal insan diterapkan dalam program-program pemulihan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia berasaskan kepada tiga elemen utama iaitu pegangan akidah yang teguh, pengamalan kolektif akhlak mulia serta wawasan iman dan muamalah

Kata Kunci: modal insan, remaja berisiko, institusi pemulihan akhlak

1. PENGENALAN

Dalam rancangan Malaysia kesembilan (RMK9), pembangunan modal insan merupakan satu aspek yang amat dititikberatkan oleh kerajaan. Ia menggariskan lapan teras Dasar Pembangunan Modal Insan merangkumi penambahbaikan sistem penyampaian pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat. Justeru, sekiranya formula pembangunan modal insan itu digarap dengan mengambil kira ciri-ciri yang digariskan dalam al-quran dan as-sunnah, sudah pasti negara akan mencapai kecemerlangan kerana adunan itu akan menghasilkan natijah yang amat positif apabila insan yang dibangunkan itu bukan sahaja berguna kepada masyarakat, malah menjaga hubungan baik mereka dengan pencipta. Oleh itu, bagi menjayakan RMK-9, program pembangunan modal insan berterusan berteraskan ajaran al-quran dan sunnah perlu diterapkan dalam diri setiap individu.

Islam sebagai satu agama yang syumul amat menitikberatkan penjanaan ilmu pengetahuan. Bahkan kunci kejayaan bagi sesebuah bangsa itu sebenarnya diukur melalui penguasaan ilmu pengetahuan. Islam sememangnya meletakkan kita dalam satu proses yang dinamakan “proses pembelajaran”, Rasulullah s.a.w sentiasa mengingatkan umatnya bahawa menuntut ilmu itu menjadi satu kewajipan bagi setiap muslim dan ia adalah suatu proses berterusan sepanjang hayat.

Istilah pembangunan modal insan terbentuk dari tiga perkataan iaitu pembangunan, modal dan insan, istilah yang terbentuk dari ketiga-tiga perkataan ini yang mewujudkan maksud sebenar konsep ini. Walaubagaimanapun, maksud atau definisi sebenar konsep ini secara umumnya adalah bermula dengan perbincangan mengenai maksud pembangunan itu sendiri.

Secara umumnya pembangunan merupakan satu proses peningkatan dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik merangkumi segala aspek sama ada kemanusiaan (keinsanan), kebendaan, keilmuan dan juga teknologi. Dalam erti kata lain, pembangunan mengandungi idea peningkatan keupayaan dan potensi apabila merujuk kepada suatu gerakan ke hadapan bermula daripada satu posisi yang lebih rendah kepada satu posisi yang lebih besar dari segi pencapaian, peluang dan manfaat. (M Noor, 2012)

Konsep pembangunan modal insan ini berkait rapat dengan konsep pembangunan manusia. Insan dan manusia mempunyai maksud yang sama. Mereka perlu dibangunkan dari kedua-dua aspek iaitu aspek fizikal dan spiritual sesuai dengan fitrah kejadiannya bagi melahirkan kehidupan yang diredhai oleh Penciptanya iaitu Allah SWT. (Bey Ariffin:1980:3). Konsep pembangunan modal insan adalah sebahagian daripada konsep pembangunan insan (atau pembangunan manusia) yang lebih luas, yang telah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mulai tahun 1990. Mahbub ul Haq (1995) (pakar ekonomi dari Pakistan), telah mempelopori konsep ini, dan menjelaskan bahawa 'pembangunan manusia' ialah pembangunan yang memusatkan manusia itu sendiri, iaitu manusia menjadi ejen pembangunan dan sekaligus menjadi matlamat akhir kepada pembangunan itu sendiri. Bagi tujuan pengisian atau pelaksanaan konsep ini, pembangunan manusia dibahagikan kepada empat komponen iaitu kesaksamaan, produktiviti, pemerikasaan dan kelestarian (Haq 1995 & Ishak 1999). Walau bagaimanapun, bagi melengkapkan lagi konsep ini, para sarjana telah menambah baik dengan memasukkan komponen estetika yang merupakan satu dimensi yang cukup penting yang perlu dicapai dan dilibatkan bagi mewujudkan pembangunan modal insan yang lebih ideal. Pembangunan modal insan adalah pemerikasaan insan sebagai individu kepada pembangunan dan sebagai kelompok komuniti. Pembangunan modal insan sebenarnya merujuk kepada memperkasakan insan itu sendiri. (Haryati Shfii', Sharifah Meryam Shareb Musa & Zakila Abd Rahman, 2009).

Kesimpulannya konsep pembangunan ini merujuk kepada unsur terpenting yang hendak dibangunkan iaitu manusia. Membangunkan manusia bererti mempertingkatkan kualiti diri manusia sama ada dari aspek mental atau pemikiran, fizikal dan jasmani, rohani dan emosi atau jiwanya. Dalam erti kata lain manusia mestilah dibangunkan dengan sifat kemanusiaannya atau keinsanannya serta memiliki sifat yang selayaknya untuk menjalankan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. (Md. Noor, 2012)

Kajian ini membincangkan bagaimana membangunkan modal insan (*human capital*) mengikut panduan Islam. Masyarakat Islam hari ini telah dilanda pelbagai cabaran hidup yang kadang kala sukar diselesaikan, termasuklah cabaran modal insan melalui generasi muda Islam

kini. Islam telah mengajar betapa pentingnya menatap hari esok (masa hadapan), dan ulama Islam dituntut untuk memikirkan bagaimana situasi masa hadapan dan cara menghadapi cabaran-cabaran zaman yang semakin hari semakin terasa mencabar dalam kehidupan umat manusia termasuk di kalangan umat Islam.

Islam sangat menekankan kelahiran insan berkualiti yang menguasai ilmu, berfikiran luhur, memiliki akhlak yang mulia, bertoleransi, mempunyai daya saing tinggi dan sebagainya. Pembangunan modal insan merupakan antara misi Islam dalam membentuk umat yang berjaya di dunia dan akhirat. Al-Quran juga turut memberikankan keutamaan kepada pembangunan insan kerana pada insanlah terletak kekuatan untuk membangunkan persekitarannya sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya:

Dan sesungguhnya telah kami muliakan anak-anak Adam, kami angkut mereka di daratan dan di lautan. Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.

Al-Isra' (17): 70

Menurut Prof. Khurshid Ahmad, persoalan yang lebih besar di dalam Islam ialah pembangunan manusia. Fungsi utama Islam ialah untuk memimpin pembangunan manusia mengikut garis panduan yang betul. Pada pandangan beliau, asas-asas falsafah pembangunan berdasarkan pendekatan Islam adalah tauhid, rububiyah, khilafah dan juga tazkiyah.

Ja'far Shaykh Idris dalam artikelnya Pembangunan Negara Berteraskan Islam telah menyatakan bahwa membangunkan diri seseorang bermakna membangunkan ciri-ciri yang membentuk intisari manusia. Intisari manusia itu menurut Islam ialah satu kuasa yang diberikan kepada setiap manusia secara fitrah dan mampu untuk dibangunkan atau dibantutkan, tetapi tidak

boleh dilenyapkan sepenuhnya. Secara umumnya fitrah manusia ini perlu dibangunkan untuk menjadi hamba Allah yang sebenar-benarnya.

Menurut perspektif Islam, modal insan membawa maksud satu keunggulan keperibadian yang dimiliki oleh manusia iaitu penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan akhlak yang mulia dalam konteks melaksanakan tugas dan tanggungjawab bersama yang diamanahkan bagi meningkatkan kemakmuran bagi manusia dan alam seluruhnya. Manakala pembangunan insan membawa maksud usaha-usaha berterusan sepanjang hayat dalam memupuk dan mengembangkan potensi-potensi yang ada dalam diri manusia agar menjadi subur dan kental rasa keimanannya terhadap rukun iman serta berupaya terdorong untuk menggesa dan menyumbang ke arah kebaikan dan kesejahteraan hidupnya sendiri, orang lain dan alam seluruhnya. (H Ahmad, 2014)

Pemikir dan pemimpin Islam digesa untuk mencari jalan keluar bagi permasalahan yang berlaku sesuai dengan doktrin (*ta' alim*) dan petunjuk Islam, supaya pendekatan tersebut dapat memuaskan jiwa, menenangkan perasaan dan mendapat hidayah serta bimbingan daripada Allah SWT. Berdasarkan acuan Islam, terdapat tiga perkara penting dalam membangunkan modal. Pertama ialah pegangan akidah yang teguh. Kedua, pengalaman kolektif akhlak mulia dan ketiga ialah wawasan iman dan muamalah.

a) Pegangan Akidah Yang Teguh

Akidah yang benar akan menatijahkan perlakuan yang baik dan akhlak yang mulia. Berdasarkan kenyataan ini, segala permasalahan sosial dan keruntuhan akhlak yang berlaku dalam belia sangat berkait rapat dengan tahap kefahaman mereka terhadap akidah yang benar (*Islamic worldview*). Maka dengan itu, pembinaan dan pengukuhan akidah ini perlu ditekankan sewaktu masih belia lagi agar tidak tersasar dari landasan Islam sebenar.

Dalam teori ilmu tauhid (teologi), terdapat tiga dimensi keyakinan keesaan Allah SWT. Antaranya ialah pertama *tauhid al-zat wa al-sifat* iaitu meyakini bahawa Allah SWT mempunyai kuasa

mutlak (qudrah mutlawah) yang tidak boleh disamakan dengan makhlukNya. Kedua pula ialah tauhid rububiyah iaitu meyakini bahawa Allah SWT yang mengatur dan mentadbir alam semesta dimana ianya merujuk kepada kebijaksanaan (iradah) Allah SWT. Ketiga adalah tauhid uluhiyyah dimana ianya merujuk kepada kedua-dua bentuk keyakinan di atas. Bentuk ibadah (ritual) didasari dengan kebergantungan hati dan taqarrub kepada Allah SWT. Oleh kerana itulah ibadah wujud sebagai perhambaan diri (*ta'abiduyah*) harus sesuai dengan tuntutan Islam (Ibn Taimiyah 1982).

Ketiga-tiga dimensi keyakinan yang dinyatakan merupakan rangka dalam melaksanakan tugas *'ubudiyah* (penghambaan) dan tugas kekhalfan (memakmurkan kehidupan dunia) bagi setiap individu muslim. Keyakinan ini menjadikan umat Islam memiliki keimanan yang mantap, ketakwaan yang menyeluruh, ketahanan dalaman, tidak mudah goyah dan tidak pesimis dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan. Keyakinan ini dapat mengubati pelbagai perubahan jiwa yang biasa melanda umat manusia terutama generasi belia sebagai contoh konflik jiwa.

Oleh itu, al-Ghazali (t.th.) berpendapat bahawa seseorang itu perlu melalui proses kelaziman dan latihan yang membantunya untuk menimbulkan kepatuhan dan menjalani tabiat. Beliau telah menggariskan beberapa langkah awal bagi memastikan setiap kanak-kanak dan remaja mampu menghayati akidah dengan betul dan sah. Langkah pertama ialah menghafal, memahami dan meyakini apa yang dipelajari tentang ilmu akidah. Bagi memastikan akidah itu benar-benar kukuh dan padu di dalam hati, setiap kanak-kanak dan remaja haruslah dipandu untuk melaksanakan amalan dan kewajipan yang sepatutnya dilakukan oleh seorang muslim. Amalan yang disarankan ialah melaksanakan amalan dan kewajipan yang sepatutnya dilakukan oleh seorang muslim. Amalan yang disarankan ialah melaksanakan ibadat fardu dan sunat seperti solat, puasa, zakat, mengerjakan haji, membaca al-Quran, berzikir, berdoa, bertafakur dan lain-lain lagi.

Melalui proses ini, akan tertanamlah akidah Islam yang kuat di mana generasi muda memperjuangkan Islam serta memiliki kekebalan prinsip sehingga tidak mudah terpesong atau terpengaruh dengan budaya persekitarannya. Oleh itu, penghayatan akidah adalah proses seseorang menghayati dan berpegang teguh dengan isi kandungan akidah dengan penuh

pengetahuan, keyakinan hati, penyerahan diri, diikuti dengan amal perbuatan dan tingkah laku yang selari dengan tuntutan iman.

Kesimpulannya, pembangunan modal insan menurut perspektif Islam ini merujuk kepada perihai membangunkan insan dalam usaha untuk mencapai sesuatu berkaitan dengan hakikat kejadiannya yang merangkumi unsure jasmani dan rohani tanpa mengeneipkan unsur-unsur luaran seperti ekonomi, sosial dan lain-lainnya. Namun dalam konteks sebagai seorang muslim, penekanan kepada pembangunan modal insan ini diutamakan kepada pembangunan rohani kerana ia melibatkan proses pembangunan diri manusia dari aspek potensi yang ada dalam diri manusia iru sendiri. (H Ahmad, 2014)

b) Pengamalan Kolektif Akhlak Mulia

Pengamalan nilai-nilai akhlak sangat berkaitan dengan pengukuhan serta pembinaan akidah Islam. Ini kerana budi pekerti yang mulia akan tumbuh sebagai buah daripada keimanan yang mantap dan akidah yang benar. Akhlak yang mulia adalah punca utama untuk meraih dan memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat, serta mengangkat darjah manusia ke suatu tempat yang paling mulia di sisi Allah SWT. Sedangkan budi pekerti yang buruk merupakan racun yang amat berbahaya serta merupakan sumber keburukan yang menjauhkan seseorang daripada rahmat Tuhannya. Ia sekaligus merupakan penyakit hati dan jiwa yang akan memusnahkan erti kehidupan yang sebenar (Ibnu Maskawayh, 1975:231).

Terdapat empat perkara utama yang diperlukan dalam membentuk moral yang tinggi dan akhlak yang mulia bagi generasi muda. Antaranya ialah: (al-Qaradawi, 2008).

- i. Menjauhkan diri daripada perkara ta'asub iaitu dengan bijak memilih pergaulan sosial dan menilai persekitaran yang sihat.
- ii. Menjauhkan diri daripada kehidupan berfoya-foya (*tabziir*).
- iii. Mencegah diri dari terjebak dengan perlakuan sumbang seperti homoseksual, bioseksual, transgender dan sebagainya.

- iv. Menghindarkan diri daripada pergaulan bebas, serba meterial tanpa ada batas-batas moral dan agama.

Penanaman nilai-nilai akidah ke dalam diri belia menjadi satu landasan bagi mereka terus dalam keimanan kepada Allah SWT sekaligus berupaya menjadi perisai diri daripada terpengaruh dengan perkara-perkara yang menyesatkan diri dan menjauhkan diri daripada landasan agama (Zakaria Din et. al. 2010 & Said Ibrahim 1996).

- c) Wawasan Iman Dan Muamalah Islamiah

Wawasan iman yang dimaksudkan di sini adalah pengamalan dalam kehidupan seorang muslim sehari-hari. Iman yang mantap serta ketakwaan yang menyeluruh mampu mengangkat modal insan ke peringkat yang tinggi dan mulia. Golongan belia akan memelihara budaya berdasarkan nilai-nilai agama, membangun moral masyarakat berdasarkan nilai-nilai akhlak mulia dan menangani budaya yang tidak sihat secara berkesan. Analisis tentang rukun iman dalam Islam yang mengandungi enam perkara itu telah mencerminkan suatu pengolahan batin yang harus diaplikasikan dalam kehidupan kita sehari-hari. Keimanan terhadap Allah, Malaikat dan Rasull-Nya, menjadi asas pemahaman kita tentang kedudukan umat manusia di dunia ini.

Keyakinan akan kebenaran kitab suci yang telah diturunkan dan hari kiamat sebagai tempat pembalasan serta ketetapan Allah (SWT) untuk semua yang terjadi di alam ini. Ia akan menambah mantapkan keyakinan bahawa perlunya setiap manusia untuk mencari cara dan jalan hidup yang ideal, yang dapat memberikan makna kehidupan yang membahagiakan zahir dan batin. Seseorang yang menyatakan sesuatu tindakan, perbuatan atau perkataan, pasti ada dorongan atau penolakan dari dalam batinnya. Di sinilah perlunya penegasan dasar-dasar iman yang sesuai dengan ajaran akidah Islam.

Pengamalan kolektif nilai-nilai akhlak mulia sangat diperlukan dalam mengharungi kehidupan moden ini supaya modal insan umat Islam, terutamanya para belia terhindar daripada pelbagai penyakit masyarakat yang berbahaya, antaranya: materialisme, kapitalisme, sekularisme,

hedonism, liberalisme dan lain-lain. Generasi belia umat Islam pula, diharapkan mampu memacu diri dan mengembangkan semangat jati diri untuk menguasai pelbagai bidang ilmu, termasuk bidang sains dan teknologi. Kemudian, mereka bangkit memanfaatkannya sesuai dengan fungsi kekhalifahan manusia di muka bumi ini, tanpa harus membuang prinsip hidup keislaman yang menjanjikan kebahagiaan dunia dan keselamatan akhirat.

2. METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif sepenuhnya melibatkan metode temu bual mendalam (*in-dept interview*) bagi mengumpulkan data utama dan metode dokumentasi melibatkan kitab-kitab Turath dan pandangan tokoh kontemporari serta dokumen milik tokoh bagi data sokongan kajian (Gall et al., 2005; Mohd Najib, 2003). Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian pelbagai kes (*multiple-case design*) yang melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik, jelas dan mendalam berkaitan kajian. (Gall et al., 2005; Mok Soon Sang, 2010). Kajian ini dikenali sebagai kajian pelbagai kes kerana melibatkan informan yang berbeza namun mempunyai ciri-ciri yang sama. Selain itu, kajian ini juga dilakukan di lokasi dan masa yang berbeza (Richard Holmes et al., 2005). Penggunaan metode temu bual mendalam (*indepth interview*) menunjukkan kajian dilakukan secara natural terhadap fenomena terlibat (Gallet al., 2005). Pengkaji amat memerlukan dapatan kajian menerusi temu bual bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan data-data yang baru daripada informan. (Maxwell, 1996; Salvana eta al., 2008). Dapatan-dapatan baru ini diperlukan bagi mengukuhkan dapatan sedia ada berhubung elemen modal insan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia. (Maxwell, 1996; Salvana et al., 2008; Richard et al., 2005; Uwe Flick et al., 2004; Locke et al., 2010). Kajian ini melibatkan institusi pemulihan yang terlibat secara langsung menjalankan program pemulihan remaja berisiko di Malaysia.

3. DAPATAN KAJIAN

Program pemulihan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial bagi memulihkan individu yang menghadapi masalah tingkah laku negatif (Barton 1999). Salah satu golongan yang berisiko terlibat dengan jenayah adalah golongan kanak-kanak. Menurut Akta Kanak- Kanak 2001, kanak-

kanak ialah individu yang berumur bawah 18 tahun. Mengikut Kanun Keseksaan (Akta 574), seseorang kanak-kanak itu mempunyai tanggungjawab jenayah apabila berumur 10 tahun sehingga berumur bawah 18 tahun ketika melakukan jenayah. Antara jenayah yang seringkali dilakukan kanak-kanak adalah jenayah harta benda seperti mencuri, pecah rumah, pergaduhan dan sebagainya. Namun demikian, jika permasalahan jenayah ini tidak dibendung, kanak-kanak ini akan terus melakukan jenayah sehingga berani melakukan jenayah yang lebih berat seperti membunuh, merompak dan merogol. Oleh itu, usaha pemulihan dari aspek tingkah laku dan aspek mental perlu dilakukan kepada mereka yang melakukan jenayah.

Di negara-negara Barat seperti Britain, Kanada dan Australia, mereka menitikberatkan pendekatan-pendekatan serta ciri-ciri pelaksanaan pemulihan akhlak yang efektif ke atas pesalah kanak-kanak. Salah satu pendekatan pemulihan yang berkesan ke atas pesalah kanak-kanak adalah pendekatan Terapi Keluarga Multidimensi (Multidimensional Family Therapy) yang banyak diamalkan di luar negara. Pendekatan ini melibatkan pelbagai anggota masyarakat terutamanya penglibatan keluarga pesalah. Selain itu, ciri-ciri pelaksanaan lain yang diberi penekanan di negara-negara Barat adalah seperti sumber-sumber program iaitu kemudahan fizikal, sumber manusia, kemahiran pelaksana program pemulihan, aktiviti pengajaran serta penilaian. Antara pengkaji-pengkaji Barat yang memfokuskan kajian berkaitan sumber-sumber program dan aktiviti-aktiviti pelaksanaan pemulihan iaitu Gendreau dan Ross (1987); Hollin, Epps dan Kendrick (1995); Barton (1999); Bramley(1996); Brower (2013) serta Bartollas dan Schmallegger (2014). Daripada hasil kajian pengkaji-pengkaji ini, didapati bahawa ciri-ciri pemulihan yang berjaya bukan sahaja dari segi pendekatan yang digunakan tetapi juga elemen-elemen pelaksanaan program seperti penyediaan kemudahan, kemahiran pelaksana, sikap pelaksana, proses pengajaran, sokongan pentadbir dan penilaian program. Kesemua elemen ini dikatakan sebagai penggerak kepada sesebuah program pemulihan akhlak.

Di Malaysia, perkhidmatan pemulihan untuk pesalah kanak-kanak adalah pendidikan melalui sistem persekolahan (Darussalam Budin, 2014). Antara jenis-jenis sistem persekolahan yang dikenalpasti adalah Sekolah Tunas Bakti di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Sekolah Henry Gurney di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Pemulihan secara pendidikan dapat membantu memulihkan mereka dari segi tingkah laku, kemahiran hidup dan membina keyakinan

diri supaya mereka dapat berhadapan dengan orang luar apabila dibebaskan daripada pusat pemulihan. Antara program pemulihan yang dikenalpasti dilaksanakan di Malaysia adalah Program Pemulihan Akhlak.

Kepentingan dan keperluan pembangunan modal insan ini tidak dapat dinafikan khususnya dalam program pemulihan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia. Elemen modal insan mestilah diterapkan dalam program-program pemulihan yang dilaksanakan. Penerapan elemen ini jelasnya dapat merangsang dan membina sikap pelatih yang bukan sahaja sedar kesilapan serta kesalahan yang telah dilakukan. Malah, penerapan elemen modal insan ini dapat melahirkan individu yang menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna, mempunyai jati diri dan sentiasa berusaha meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan kepada Allah swt.

Islam sangat menekankan insan yang berkualiti dengan penguasaan ilmu, berfikiran luhur, bertoleransi, mempunyai daya saing dan sebagainya. Semua ciri-ciri yang dinyatakan ini merupakan sebahagian daripada unsur-unsur penajaan modal insan. Oleh yang demikian kegagalan manusia memahami tuntutan yang terdapat dalam al-Quran dan tidak mempelajari sejarah jatuh bangun peradaban manusia pada masa silam menyebabkan manusia gagal untuk berfungsi menjadi insan kamil. Sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-A'la:14-17

Maksudnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang Yang - setelah menerima peringatan itu - berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal Yang Soleh), dan menyebut-nyebut Dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang (dengan khusyuk)”.

Terdapat tiga perkara penting yang perlu menjadi fokus pemerhatian untuk membangunkan modal insan mengikut acuan Islam iaitu:

1. Pegangan akidah yang teguh
2. Pengalaman kolektif akhlak mulia
3. Wawasan iman dan muamalah

4. PENERAPAN ELEMEN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI INSTITUSI PEMULIHAN

Program pemulihan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial bagi memulihkan individu yang menghadapi masalah tingkah laku negatif (Barton 1999). Salah satu golongan yang berisiko untuk terlibat dengan jenayah adalah golongan kanak-kanak. Menurut Akta Kanak- Kanak 2001, kanak-kanak ialah individu yang berumur bawah 18 tahun. Mengikut Kanun Keseksaan (Akta 574), seseorang kanak-kanak itu mempunyai tanggungjawab jenayah apabila berumur 10 tahun sehingga berumur bawah 18 tahun ketika melakukan jenayah. Antara jenayah yang seringkali dilakukan kanak-kanak adalah jenayah harta benda seperti mencuri, pecah rumah, pergaduhan dan sebagainya. Namun demikian, jika permasalahan jenayah ini tidak dibendung, kanak-kanak ini akan terus melakukan jenayah sehingga berani melakukan jenayah yang lebih berat seperti membunuh, merompak dan merogol. Oleh itu, usaha pemulihan dari aspek tingkah laku dan aspek mental perlu dilakukan kepada mereka yang melakukan jenayah.

Di negara-negara Barat seperti Britain, Kanada dan Australia, mereka menitikberatkan pendekatan-pendekatan serta ciri-ciri pelaksanaan pemulihan akhlak yang efektif ke atas pesalah kanak-kanak. Salah satu pendekatan pemulihan yang berkesan ke atas pesalah kanak-kanak adalah pendekatan Terapi Keluarga Multidimensi (Multidimensional Family Therapy) yang banyak diamalkan di luar negara. Pendekatan ini melibatkan pelbagai anggota masyarakat terutamanya penglibatan keluarga pesalah. Selain itu, ciri-ciri pelaksanaan lain yang diberi penekanan di negara-negara Barat adalah seperti sumber-sumber program iaitu kemudahan fizikal, sumber manusia, kemahiran pelaksana program pemulihan, aktiviti pengajaran serta penilaian. Antara pengkaji-pengkaji Barat yang memfokuskan kajian berkaitan sumber-sumber program dan aktiviti-aktiviti pelaksanaan pemulihan iaitu Gendreau dan Ross (1987); Hollin, Epps dan Kendrick (1995); Barton (1999); Bramley(1996); Brower (2013) serta Bartollas dan Schmalleger (2014). Daripada kajian-kajian pengkaji-pengkaji ini, didapati bahawa ciri-ciri pemulihan yang berjaya bukan sahaja dari segi pendekatan yang digunakan tetapi juga elemen-elemen pelaksanaan program seperti penyediaan kemudahan, kemahiran pelaksana, sikap pelaksana, proses pengajaran, sokongan pentadbir dan penilaian program. Kesemua elemen ini dikatakan sebagai

penggerak kepada sesebuah program pemulihan akhlak. Di Malaysia, perkhidmatan pemulihan untuk pesalah kanak-kanak adalah pendidikan melalui sistem persekolahan (Darussalam Budin, 2014; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Antara jenis-jenis sistem persekolahan yang dikenalpasti adalah Sekolah Tunas Bakti di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Sekolah Henry Gurney di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Pemulihan secara pendidikan dapat membantu memulihkan mereka dari segi tingkah laku, kemahiran hidup dan membina keyakinan diri supaya mereka dapat berhadapan dengan orang luar apabila dibebaskan daripada pusat pemulihan. Antara program pemulihan yang dikenalpasti dilaksanakan di Malaysia adalah program pemulihan akhlak.

Kepentingan dan keperluan pembangunan modal insan ini tidak dapat dinafikan khususnya dalam program pemulihan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia. Elemen modal insan mestilah diterapkan dalam program-program pemulihan yang dilaksanakan. Penerapan elemen ini jelasnya dapat merangsang dan membina sikap pelatih yang bukan sahaja sedar kesilapan serta kesalahan yang telah dilakukan. Malah, penerapan elemen modal insan ini dapat melahirkan individu yang menjadi Islam sebagai cara hidup yang sempurna, mempunyai jati diri dan sentiasa berusaha meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan kepada Allah swt.

Islam sangat menekankan insan yang berkualiti dengan penguasaan ilmu, berfikiran luhur, bertoleransi, mempunyai daya saing dan sebagainya. Semua ciri-ciri yang dinyatakan ini merupakan sebahagian daripada unsur-unsur penajaan modal insan. Oleh yang demikian kegagalan manusia memahami tuntutan yang terdapat dalam al-Quran dan tidak mempelajari sejarah jatuh bangun peradaban manusia pada masa silam menyebabkan manusia gagal untuk berfungsi menjadi insan kamil. Sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-A'la:14-17

Maksudnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang Yang - setelah menerima peringatan itu - berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal Yang Soleh), dan menyebut-nyebut Dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya serta mangerjakan sembahyang (dengan khusyuk)”.

Untuk membangunkan modal insan mengikut acuan Islam, ada tiga perkara penting yang perlu menjadi fokus pemerhatian, iaitu:

1. Pegangan akidah yang teguh
2. Pengalaman kolektif akhlak mulia
3. Wawasan iman dan muamalah

4. NILAI-NILAI AKIDAH

Pembangunan modal insan yang berpaksikan kepada keteguhan akidah merupakan perkara yang terpenting dan diberikan penekanan oleh Nabi Muhammad sebaik sahaja menjadi Rasul melalui peranan baginda dalam memperbaiki akidah masyarakat Arab daripada penyembahan berhala kepada penyembahan Allah swt yang satu.(Razaleigh Muhamat, 2015)

Dalam ajaran Islam, elemen kerohanian merupakan perkara yang diberi keutamaan dalam kehidupan manusia. Ia boleh dianalogikan seperti pokok atau teras. Manakala elemen sampingan lain seperti ekonomi, bahasa sains dan teknologi, perindustrian politik, kebudayaan dikategorikan sebagai ranting yang mengeluarkan daun dan buah kerana patuh kepada sunnatullah(Mohd. Roslan Mohd Nor, 2010).

Iman dan takwa bertujuan untuk melahirkan modal insan sejati yang boleh diertikan sebagai modal insan berminda kelas pertama, bukan sahaja taat dan patuh kepada Allah SWT sebagai pencipta manusia, malah ia dapat mentadbir dan memelihara keseimbangan dan keharmonian kejadian serta persekitarannya. Mereka mampu menjalani kehidupan mengikut sunnatullah dalam memberi sumbangan untuk membangunkan dunia ini (Kamaluddin, 2006)

Berdasarkan temubual yang dijalankan, elemen akidah dijadikan teras dalam program pemulihan yang dijalankan. Setiap penghuni yang dimasukkan di mana-mana pusat pemulihan akan menduduki satu sesi penilaian dari segi agama. (PG, 76) Kajian mendapati solat lima waktu dilaksanakan secara berjamaah dan turut diadakan tazkirah (PI: 159-164). Kebanyakan penghuni yang dimasukkan ke institusi pemulihan tidak pandai membaca al-Fatehah (P1: 149-157). Malah,

terdapat juga penghuni yang dimasukkan ke institusi tidak pernah solat dan tidak pernah diajar solat oleh keluarga sebelum dimasukkan ke institusi (PL: 90).

Kajian mendapati solat lima waktu wajib dilaksanakan secara berjamaah (PI, PL: 237). Kebanyakan penghuni yang dimasukkan ke institusi pemulihan tidak mengetahui perkara yang berkaitan solat seperti rukun solat serta ada yang tidak boleh membaca al-Fatehah. Malah, terdapat juga penghuni yang dimasukkan ke institusi tidak pernah solat dan tidak pernah diajar solat oleh keluarga sebelum dimasukkan ke institusi (PI: 1286-1297). Justeru pihak institusi mengambil pendekatan "*back to basic*" iaitu memberi fokus kepada perkara asas dalam Islam terutamanya solat dan hukum hakam seperti perkara sunat dan haram (PI: 923-924). Disamping pengisian diantara waktu maghrib dan insyak ataupun lepas zohor (PI: 775-776).

Pendekatan menerapkan pegangan akidah yang teguh juga turut dititik beratkan oleh institusi dengan mempelbagaikan kaedah pembelajaran fardhu ain seperti kaedah nyanyian dan tempat pembelajaran di luar kelas (PI: 282-285). Begitu juga dengan kelas mingguan mereka bersama Jabatan Agama Islam dalam memberi mendidikkan dari sudut perkukuhkan amalan dan kerohanian seperti contoh kelas jenazah (PI: 158-160).

Kajian mendapati solat lima waktu dilaksanakan secara berjamaah serta diselit dengan pembelajaran mengenai wudhuk dan perkara yang berkaitan seperti najis, hadas dan perkara yang berkaitan penyucian yang saling berkaitan dengan solat (PI: 903-909). Hal ini diakui oleh pelatih bahawa wajib solat berjamaah (PL). Kebanyakan penghuni yang dimasukkan ke institusi pemulihan tidak mengetahui syahadah dan tidak boleh membaca al-Fatehah (PI 188-196). Malah, terdapat juga penghuni yang dimasukkan ke institusi tidak pernah solat dan tidak pernah diajar solat oleh keluarga sebelum dimasukkan ke institusi (PL).

Berdasarkan dapatan ini dapat disimpulkan bahawa penerapan nilai akidah diterapkan dalam program pemulihan khususnya program keagamaan di institusi. Melalui proses ini, akan tertanamlah akidah Islam yang kuat. Maka diharapkan penghuni akan menjadi generasi muda yang memperjuangkan Islam dan bangga akan kebesaran dan kemuliaan Nabi Muhammad SAW, serta

memiliki kekebalan prinsip sehingga tidak mudah terpesong atau terpengaruh dengan budaya persekitarannya. Di samping memiliki daya saing yang kuat, berdaya maju untuk menerokai kehidupan yang lebih bermakna untuk merealisasikan kesejahteraan dunia dan kebahagiaan akhirat serta terpelihara daripada gangguan syaitan yang banyak menggoda dan memesongkan. Mereka memiliki semangat jati diri, berfikiran terbuka, kreatif dan inovatif, tidak akan taksud dengan budaya lama yang melemahkan.

5. NILAI-NILAI AKHLAK

Islam mempunyai kerangka dan pengukur yang tersendiri dalam menentukan akhlak. Menurut Mustaq Ahmad (2001), akhlak merujuk kepada sifat kemanusiaan yang tinggi dan mulia. Bagi beliau, akhlaklah yang menjadikan manusia dan akhlak juga yang meningkatkan kualiti kemanusiaan seorang insan.

Pengamalan nilai-nilai akhlak sangat berkaitan dengan pengukuhan serta pembinaan akidah Islam. Ini kerana budi pekerti yang mulia akan tumbuh sebagai buah daripada keimanan yang mantap dan akidah yang benar. Akhlak yang mulia adalah punca utama untuk meraih dan memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat, serta mengangkat darjah manusia ke suatu tempat yang paling mulia di sisi Allah SWT. Sedangkan budi pekerti yang buruk merupakan racun yang amat berbahaya serta merupakan sumber keburukan yang menjauhkan seseorang daripada rahmat Tuhannya. Ia sekaligus merupakan penyakit hati dan jiwa yang akan memusnahkan erti kehidupan yang sebenar. (Ibnu Maskawayh, 1975)

Mengikut kajian Abu Hamid al-Ghazali (1973: 3/89), akhlak yang paling utama (ummahat al fadhail) dapat dibahagikan kepada empat bahagian iaitu *Al-Hikmah*, *Al-Adlu*, *Al-Shaja'ah*, *Al-Iffah*. Kesemua sifat tersebut, merupakan asas dan sumber keluhuran akhlak mulia dan nilai murni yang akan membangkitkan sifat-sifat terpuji dalam diri individu. Para ulama dan tokoh cendekiawan Islam dari semasa ke semasa telah sepakat meperakukan bahawa syariah Islam mempunyai maqasid (matlamat) yang telah dikenal pasti iaitu memelihara agama (al-din),

memelihara akal, memelihara jiwa, memelihara keturunan dan maruah diri, memelihara harta (Abu Ishaq al-Shatibi, 1963).

Berdasarkan temubual yang dijalankan mendapati setiap institusi telah menetapkan jadual rutin harian penghuni setiap hari (PI). Rutin harian penghuni bermula dari jam 4.00 pagi hingga 10.00 malam (PL: 283-291). Jelasnya, melalui jadual yang telah ditetapkan oleh pihak institusi dapat melatih penghuni menguruskan masa seharian dengan melakukan perkara-perkara berfaedah. Setiap penghuni mempunyai tanggungjawab antara satu sama. Penghuni juga diajar cara-cara menutup aurat dengan sempurna. Semangat tolong menolong dan bergotong royong diterapkan pada setiap penghuni. Berdasarkan dapatan temubual penghuni diminta menyiram pokok, membersihkan kelas, tandas dan ini secara tidak langsung memupuk semangat kerjasama penghuni. (PL: 462-464)

Berdasarkan temubual yang dijalankan mendapati setiap institusi telah menetapkan jadual rutin harian penghuni setiap hari namun diberi pilihan pada sesetengah waktu untuk penghuni memilih sendiri aktiviti sendiri mereka yang kebiasaannya diberi selepas zohor (PL 2: 227-231). Rutin harian bagi penghuni di pusat pemulihan dipenuhi dengan satu proses pembelajaran yang bersifat khidmat seperti kerja amal diluar asrama dan bersihkan agama (PL 2: 207-209). Jelasnya, proses pembelajaran yang dirancang oleh pihak institusi dapat melatih penghuni menguruskan masa seharian dengan melakukan perkara-perkara berfaedah yang lebih kepada latihan kemahiran “internal” diri.

Dalam pada itu, sesetengah penghuni mengambil satu pendekatan dalam mengisi masa lapang yang diberikan selepas zohor dengan melakukan pekerjaan car wash (PL 4: 485). Langkah yang diambil oleh penghuni ini secara tidak lansung mendidik mereka untuk bergaul dengan masyarakat serta melatih diri untuk berdikari di samping melatih mereka supaya tidak terasa terhina sebagai selaku pelatih di institusi pemulihan akhlak.

Berdasarkan temubual yang dijalankan mendapati setiap institusi telah menetapkan jadual rutin harian penghuni setiap hari (PI: 437- 441). Rutin harian bagi penghuni akan dipenuhi dengan

satu proses pembelajaran mengikut ketetapan oleh sekolah tersebut seperti kelas, program dan aktiviti (PL). Jelasnya, proses pembelajaran yang dirancang oleh pihak institusi dapat melatih penghuni menguruskan masa seharian dengan melakukan perkara-perkara berfaedah serta menimba ilmu yang baru. Menurut salah seorang daripada pelatih berpendapat bahawa sistem pembelajaran di sini dapat membantunya berubah bukan sahaja dari sudut akademik tetapi turut kepada kemahiran sendiri (PL 1: 1935-1936).

Dalam pada itu, penerapan yang paling utama ditekankan oleh institusi pemulihan adalah akhlak dan adab dari semua aspek termasuklah kebersihan, adab makan dan adab bangun tidur (PI 871-874, PL: 2057). Namun menurut pegawai di pusat pemulihan kesemua pendekatan yang dibuat mengutamakan elemen menepati masa dalam semua perkara (PI: 790). Pembawakan pembelajaran menepati masa ini sememangnya dituntut dalam Islam sebagai cerminan akhlak seorang individu muslim yang jelas Allah SWT berfirman di dalam al-Quran dalam surah al-Asr. Bagi membentuk peribadi yang berakhlak pihak institusi menjalankan "*rocall*" sebanyak 12 kali sehari bagi mendidik ketetapan masa pelatih serta kebersamaan mereka yang terdiri daripada muslim dan non-Muslim yang secara tidak lansung melatih sikap pergaulan mereka (PI: 797-798). Tambahan lagi, penghuni di pusat pemulihan dititik beratkan dengan memberi salam kepada penghuni yang lain dan staff. Pendekatan sebegini mampu meranapkan sikap pentingkan diri dan ego sepertimana yang dituntut oleh Rasulullah untuk memberi salam kepada orang lain hatta tidak mengenalinya.

6. JATI DIRI

Membangunkan potensi atau jati diri merangkumi pembangunan daya usaha yang bertujuan untuk melakukan perkara-perkara mengikut cara yang berbeza, menggunakan peluang untuk melaksanakan sesuatu yang lain daripada kebiasaan dan berusaha mencari cara baharu dalam melakukan sesuatu perkara. Untuk menjayakan tujuan ini, mereka perlu diberi peluang untuk mempamerkan potensi yang ada dalam diri dan menghasilkan produktiviti yang lebih baik sebagaimana yang telah ditentukan. Kemampuan mereka untuk membangunkan potensi bergantung kepada kekuatan kreativiti dan inovasi yang dimiliki. Sebagaimana firman Allah swt dalam surah (al-Baqarah, 2:269) yang bermaksud:

Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu Yang berguna) kepada sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut aturan Yang ditentukanNya). dan sesiapa Yang diberikan hikmat itu maka Sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan Yang banyak. dan tiadalah Yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang Yang menggunakan akal fikirannya.

Hasil kajian mendapati pelbagai program dirangka diperingkat pusat bagi membantu meningkatkan jati diri penghuni. Antara program tersebut ialah program Khalifah Junior yang memuatkan program-program seperti hafazan, pertandingan azan, pertandingan kuiz, bercerita. (PG 367-371). Program seperti kem motivasi juga turut diadakan di institusi (PL: 202). Program ini secara tidak langsung dapat meningkatkan jati diri penghuni. Program kaunseling juga turut diadakan dan setiap penghuni yang dimasukkan di institusi tidak terkecuali dari mengikuti program kaunseling tersebut.

7. KESIMPULAN

Modal insan adalah aspek yang tidak boleh diabaikan sama sekali dalam konteks pembangunan yang bermula dengan pembentukan diri, keluarga, masyarakat dan negara (Hajah Noresah bt Baharom, 2015). Modal insan atau *human capital* merujuk kepada modal atau apa yang dapat dikeluarkan dari seseorang insan untuk dimanfaatkan. Modal insan hanya akan menjadi asset penting bagi sesebuah organisasi dan negara sekiranya tahap kecekapan, kemahiran dan pengetahuan modal insan dibangunkan selaras dengan keperluan organisasi dan negara. Untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan peranan institusi yang telah dilantik oleh kerajaan seharusnya perlu bergerak aktif dan wajar melalui transformasi bersesuaian dengan kehendak semasa. Modul-modul kursus harus dikaji semula, diperhalusi dan dirombak sekiranya perlu bagi melengkapkan set nilai yang berkualiti kepada individu. Proses pembinaan modal insan juga tidak bermula semasa berada di sekolah tadika, sekolah, kolej, universiti tetapi bermula dari alam kandungan lagi dan tiada noktah iaitu berterusan sepanjang hayat. Pembelajaran sepanjang hayat harus digalakkan kerana sesuatu ilmu itu tidak pernah habis dan melibatkan pelbagai disiplin yang

wajar dikuasai agar matlamat untuk membangunkan modal insan ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat akan tercapai. Pembangunan berkaitan modal insan atau sumber manusia ini bukan sahaja penting untuk pembangunan ekonomi atau material sesebuah negara malah ia juga penting dalam memastikan kelestarian jati diri seseorang individu. Hal ini menjadikan pembangunan modal insan tidak hanya boleh dilihat dari aspek fizikal atau material semata-mata namun ia lebih penting lagi untuk dilihat dari aspek spiritual dan kerohanian seseorang individu.

RUJUKAN

Al- Qurān al-Karīm

Penulis tidak diketahui”, *Buku Sejarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1996)

Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001).

Ab. Aziz Mohd. Zin. *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997).

Abd al-Karim Zaydān, *Uṣūl al- Da ’wah* (Baghdad: Maktabah al-Qis, 1987).

Abd Rahman Al- Nahlawi, *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuha* (Damsyik: Dar Al-Fikr, 1979).

Adam Kuper dan Jesica Kuper, *The Social Science Encyclopedia* (London: Routledge and Kegan Paul, 1985).

Afzalur Rahman, *Islam Ideology and The Way of Life* (Kuala Lumpur: Pustaka Hayathi, 1995).

Ahmād ‘Utmāan, *Tarbiyyah al-Aulād wa al-Abnā’ fi al-Islam* (Beirut: Qutaibah, 1982).

Ahmad b. Muhammad b. Maskawayh, *Tahdhīb al-Akhlāq* (Beirut : Mansurah Dār Maktabah al-Hayah, 1961).

Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini, Sikap dan Pendekatan*, terj. Usamah bin Hussain (Kuala Lumpur: YADIM, 1996).

Amna Md. Noor dan Asnarulkhanda Abu Samah, “Masalah Sosial Melayu: Hakikat dan Asmah Bee Mohd Noor dan Iran Herman, *Membina Kesejahteraan Remaja* (Selangor: Teknoedar, 1995).

Azizi Yahaya, *Psikologi Sosial Alam Remaja* (Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd., 2005).

Berhanuddin bin. Abdullah dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2000).

Donovan, J, dan Jessor, R, “Structure of Problem Behavior in Edollescence and Young Adulthood” *Journal of Consulting and Clinical Psychology* 53, (1985).

Ghazali Darussalam, *Ilmu Akhlak Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, 1997).

Gibb, H.A.R, *The Encyclopedia of Islam* (Leiden: EJ. Brill, 1979).

.Ibrahim Mamat, *Memimpin Remaja Sekolah Teori dan Praktik* (Subang: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 1997).

Iran Herman dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 2000.

James L.Gibson et al., *Organizations: Behavior, Structure, Processes* (cet. ke-11, New York: McGrill –Hill Companies, 2003).

Jessor, Richard, “Risky Driving and Adolescent Problem Behavior: An extension of Problem – Behavior Theory” *Journal of Alcholah, Drugs and Driving* 3, (1987).

Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1991).

Kirk, R.E, *Elementary Statistics*, (California: brooks/Cole Publishing Company, 1984).

Kirkpatrick, E.M, *Chambers 20th Century Dictionary* (Edinburgh: W & R Chambers Ltd, 1983).

Krejcie et al., *Determining Sample Size for Research Activities* (Education and Psychological Measurement, 1970)

Logo Rasional. Laman Web Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat.
http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=logo_rasional&lang=bm.

Lutfi Abas dan Awang Sariyan, *Kamus Pelajar Delta* (Selangor: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd., 1988).

Mahfūz, Muhammad Jamāl al-Dīn, *Tarbiyyah al-Murāhiq fī al-Madrasah al-Islāmiyyah* (t.tp.: al-Hai’ah al- ’Āmmah li al-Kitab, 1984).

Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad, *Panduan Mengurus Remaja Moden* (Pahang: PTS Profesional.

Zakaria Stapa, *Akidah dan Akhlak Dalam Kehidupan Muslim* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 1999).

Zakiah Daradjat, *Remaja, Harapan dan Tentangan* (Jakarta : CV Ruhama, 1994).

Temubual

Pegawai dan pelatih Institusi Pemulihan Akhlak Malaysia.